

# ANGSOBIDE TABLET

Isosorbide dinitrate (10mg)

---

**Apa yang ada pada risalah ini**

1. Apakah kegunaan ANGSOBIDE
2. Bagaimana ANGSOBIDE berfungsi
3. Sebelum menggunakan ANGSOBIDE
4. Cara menggunakan ANGSOBIDE
5. Semasa menggunakan ANGSOBIDE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan ANGSOBIDE
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan ANGSOBIDE

ANGSOBIDE digunakan sebagai rawatan pencegah sakit dada (angina pektoris).

## Bagaimana ANGSOBIDE berfungsi

ANGSOBIDE bertindak dengan mengendurkan salur darah lalu memudahkan kerja jantung sekiranya berlaku spasma vaskular di dalam jantung.

## Sebelum menggunakan ANGSOBIDE

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan ANGSOBIDE dalam keadaan yang berikut:

- sedang mengalami renjatan
- sedang mengalami tekanan darah yang rendah
- sedang menghidap penyakit otot jantung (kardiomiopati berserta penyempitan)
- sedang mengalami penyakit yang tertentu pada perikardium

(perikarditis berserta penyempitan, *pericardium tamponade*)

- hipersensitif terhadap mana-mana ramuannya

- Sebelum mula menggunakannya

Bincanglah dengan doktor sebelum anda mula menggunakan ANGSOBIDE jika anda mengalami mana-mana masalah kesihatan yang berikut:

- Intracranial hypertension (tekanan tinggi dalam tengkorak)
- penyakit jantung
- aras oksigen yang terkurang di dalam darah (hipoksemia)
- kekurangan sel darah merah (anemia)

- Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda memakan ubat lain pada masa yang sama dengan ANGSOBIDE.

Sesetengah jenis ubat boleh menjejaskan atau boleh terjejas oleh rawatan dengan ANGSOBIDE.

Ini termasuklah:

- ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat kemurungan (contohnya, tricyclic antidepressant).
- Ubat-ubatan untuk merawat tekanan darah tinggi (contohnya penghalang beta)
- Agen antikolinergik yang biasanya merawat penyakit seperti asma, masalah lemah kawalan kencing, kekejangan perut, dan kekejangan otot.

Dapatkan nasihat doktor jika anda tidak pasti kerana mereka akan mempunyai senarai yang lebih lengkap dan terperinci tentang ubat-ubat yang mungkin bertindak balas dengan Angsobide jika diambil bersama-sama.

## Cara menggunakan ANGSOBIDE

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor akan menentukan dos yang sesuai bagi anda. Dos biasa ialah 5 sehingga 30 mg empat kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Tablet yang lengkap ataupun yang dibelah tidak boleh dikunyah atau dihancurkan dan mestilah ditelan sekurang-kurangnya dengan ½ gelas cecair.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti memakan tablet walaupun anda sudah berasa sihat, kecuali diarahkan oleh doktor.

Jika anda ada pertanyaan selanjutnya mengenai penggunaan ubat ini, tanyalah doktor atau ahli farmasi.

- Jika anda terlupa menggunakannya

Jika anda terlupa memakan satu dos, makanlah sebaik sahaja anda ingat. Walau bagaimanapun, jika waktunya sudah hampir dengan waktu dos yang seterusnya, abaikan sahaja dos yang tertinggal itu.

Jangan makan dua dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda memakan terlebih banyak ubat, hubungi doktor atau hospital untuk mendapatkan penilaian risiko dan nasihat.

## **Semasa menggunakan ANGSOBIDE**

### **- Perkara yang perlu dilakukan**

Makanlah ubat ini seperti yang telah diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

### **- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti memakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

### **- Perkara yang perlu diberi perhatian**

#### ***Kehamilan:***

Pengalaman menggunakannya semasa hamil masih terhad. Oleh itu, beritahu doktor jika anda hamil atau sebelum anda mula menggunakan ANGSOBIDE.

#### ***Menyusukan anak dengan susu badan:***

Tidak diketahui sama ada isosorbide dinitrate akan dirembeskan ke dalam susu badan. Oleh itu, tanyalah doktor sebelum menggunakan ANGSOBIDE secara tetap semasa menyusukan anak dengan susu badan.

#### ***Memandu dan mengendalikan jentera***

ANGSOBIDE boleh menjejaskan kebolehan bertindak balas, kerana anda mungkin akan berasa pening sebelum memakan ubat ini. Anda haruslah mempertimbangkan perkara ini sebelum memandu atau mengendalikan jentera.

## **Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan kluatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- Sakit kepala, pening dan rasa berpusing
- Kardiovaskular – *peripheral oedema* (pengumpulan bendalir dalam tisu badan tertentu secara tidak normal)
- Dermatologikal – ruam, kulit yang radang dan mengelupas
- Gastrointestinal – loya, muntah
- Haematological – tekanan darah tinggi yang teruk, bradikardia (kadar denyutan jantung perlahan yang tidak normal)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan Malaysia melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumer – Reporting*).

## **Cara menyimpan & melupuskan ANGSOBIDE**

### **- Penyimpanan**

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 30°C.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjuran tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

### **- Pelupusan**

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil ANGSOBIDE atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### **- Rupa dan warna produk**

ANGSOBIDE 10mg tablet: Berbentuk bulat, diameter 7mm, berwarna kuning cair dengan tanda belahan dan "bunga" pada permukaannya.

Tender hospital kerajaan: Berbentuk bulat, diameter 7mm, berwarna kuning cair dengan tanda 'KKM/DUO' dan "bunga" pada permukaannya.

### **- Bahan-bahan kandungan**

#### **Bahan Aktif:**

Setiap tablet ANGSOBIDE 10mg mengandungi 10mg isosorbide dinitrate.

**Bahan-bahan Tidak Aktif:**

- *Quinolline Yellow*
- *Cornstarch*
- *Purified Water*
- *Lactose*
- *Colloidal Anhydrous Silica*
- *Sodium Starch Glycolate*
- *Magnesium Stearate*

- *Nombor MAL:*

MAL07122771AZ

**Pengilang**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.  
(42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.  
(42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

**Tarikh dikemaskini RiMUP**

06/11/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)071015/00346